

02/11/1999

Barat digesa hapus diskriminasi

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, masyarakat Barat seharusnya berhenti mengaitkan Islam dengan keganasan dan menghapuskan diskriminasi terhadap agama itu demi keadilan dan keharmonian sejagat.

Perdana Menteri berkata, secara umumnya masyarakat dunia beranggapan bahawa umat Islam cenderung melakukan keganasan, menjadi pelampau dan tidak berupaya mentadbir negara dengan baik.

"Hanya sebahagian daripada kenyataan itu benar. Selebihnya adalah disebabkan gambar-gembar pihak media kerana mereka sering mengaitkan penganas Islam dalam setiap keganasan yang berlaku.

"Bagaimanapun, mengapa jenayah yang dilakukan penganut agama Kristian, Buddha atau Hindu tidak dikaitkan dengan agama mereka meskipun keganasan yang dilakukan tidak kurang ganasnya berbanding orang Islam," katanya dalam artikelnya yang diterbitkan akhbar Mainichi Shimbun, Jepun, hari ini.

Sebenarnya, kata Dr Mahathir, orang Islamlah yang menjadi mangsa keganasan yang dirancang di dunia, sedangkan penganut Islam di seluruh dunia cintakan keamanan dan menentang keganasan.

Beliau memberi contoh di Bosnia Herzegovina, Kosovo, Chechnya, Palestin, Iraq, Iran dan Libya, orang Islam dibunuh beramai-ramai dan dibom oleh kumpulan anti-Islam, malah oleh kerajaan demokratik.

"Akibatnya beratus-ratus ribu orang Islam diseksa, dirogol dan dibunuh. Bagaimanapun, tiada apa yang boleh dilakukan kerana tidak sebuahpun negara Islam yang cukup kuat untuk melindungi orang Islam atau membantah terhadap layanan buruk serta keganasan yang sering dilakukan ke atas orang Islam dan negara mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, penindasan dan keganasan terhadap orang Islam dan negara mereka berlaku sejak berdekad lamanya dan mereka adalah mangsa keganasan di seluruh dunia.

Disebabkan kepahitan dan kekecewaan akibat penindasan yang berterusan di seluruh dunia ke atas umat Islam serta tidak berupaya mendapatkan perlindungan daripada sesiapa, orang Islam melihat tindakan keganasan ciptaan Kristian Eropah sebagai cara untuk bertindak balas.

"Jika negara mereka sendiri tidak dapat melindungi mereka atau jika masyarakat dunia Islam juga tidak dapat membantu, satu-satunya cara membalas penindasan ini adalah dengan melakukan serangan balas," katanya.

Beliau berkata, tekanan yang dikenakan bagi menghapuskan keganasan yang dilakukan orang Islam juga tidak akan berjaya kerana mereka ini lebih sanggup menderita daripada tunduk kepada kuasa asing.

"Oleh itu, cara mengatasi masalah ini adalah dengan menghentikan sebarang rujukan mengenai penganas Islam dan keganasan Islam atau sebaliknya turut mengaitkan agama bagi keganasan yang dilakukan oleh bukan Islam.

"Penindasan dan serangan ke atas umat Islam serta negara mereka juga perlu dihentikan dan jika sesuatu tindakan terpaksa dikenakan terhadap negara terbabit, ia perlu diputuskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, bukannya sebuah kuasa besar tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata, media pula perlu memberi laporan berasaskan fakta sebenar, seimbang dan tidak memburuk-burukkan Islam serta negara mereka.

"Umat Islam tidak boleh disalahkan jika mereka merasakan semua pihak menentang mereka akibat tindakan pihak media Barat yang terus menyifatkan

umat Islam sebagai pembunuh," katanya.

Selain itu, beliau berkata, orang Islam juga seharusnya membuktikan bahawa Islam adalah agama yang sesuai untuk setiap zaman dan percaya negara Islam dapat memperbaiki imej agama ini.

Katanya, orang Islam di Malaysia dapat hidup harmoni bersama bukan Islam dan bebas daripada keganasan kerana mereka mengamalkan ajaran Islam sebenar berlandaskan al-Quran dan Sunnah yang menekankan keamanan serta toleransi.

Dalam artikelnya, Dr Mahathir turut mengulas pemilihan Abdurrahman Wahid sebagai Presiden Indonesia dan Megawati Sukarno sebagai naib presiden yang disifatkan dapat memberi harapan baik kepada masa depan negara Islam terbesar di dunia itu.

Perdana Menteri berkata, pemilihan presiden Indonesia berjalan tanpa kejadian serius dan Majlis Permesyuaratan Rakyat bijak membuat pilihan presiden dan naib presiden.

Katanya, pemilihan Abdurrahman, memuaskan hati penduduk Islam manakala parti Megawati yang mempunyai paling banyak kerusi tetapi tidak cukup majoriti, berpuas hati dengan jawatan naib presiden.

(END)